

Terminal bas setaraf lapangan terbang

Kemudahan lima bintang di TBS contoh pengangkutan awam ditingkat

Azrul Affandi Sobry

azr@bharian.com.my



KEMUDAHAN bertaraf lima bintang dengan suasana seperti berada di lapangan terbang antarabangsa. Tidak ada seumpamanya di negara ini, malah jarang juga di negara lain, tetapi itulah yang dapat dirasakan di Terminal Bersepadu Bandar Tasik Selatan yang menempatkan bas ekspres ke selatan.

Jika selama ini tanggapan masyarakat melabelkan stesen bas sebagai tempat penuh sesak dengan suasana hingar dan kurang selesa, kotor serta menyesak nafas, ia sudah sewajarnya dikikis terus dengan imej yang ditunjukkan oleh terminal itu yang kini sudah setahun beroperasi bagi menyediakan kemudahan pengangkutan darat secara bersepadu.

Terminal Bersepadu Selatan (TBS) itu boleh diangkat sebagai satu daripada mercu kejayaan program transformasi kerajaan (GTP) melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang keenam iaitu penambahbaikan kemudahan pengangkutan awam di bandar.

Terminal yang dibina di atas tapak seluas 48.95 ekar atau bersamaan 198,076.16 meter persegi itu ialah sebuah terminal pengangkutan awam darat untuk masa depan. Projek yang menelan belanja RM570 juta itu dimulakan pada 20 November 2007 di bawah kendalian Maju Holding Sdn Bhd dan disiapkan dalam tempoh 35 bulan iaitu sebulan lebih awal daripada jadual asal.

Bangunan utama terminal dengan keluasan binaan lebih sejuta kaki persegi atau 95,379 meter persegi menempatkan lobi utama, lobi pelepasan, lobi ketibaan serta ruang peruncitan. Ia direkabentuk sesuai untuk menampung kehadiran 40,000 pengunjung dan penumpang bas pada satu-satu masa, menjadikan ia terminal bas yang terbesar pernah dibina di Lembah Klang.

Jika dinilai secara terperinci bagaimana terminal ini berjaya memberi impak kepada tanggapan masyarakat ter-

hadap sistem perkhidmatan awam darat, kejayaan dalam meraikan ulang tahun pertamanya selepas mula beroperasi pada 1 Januari 2011 adalah bukti kepada segala-galanya.

Paling utama, sistem dan kaedah pengendalian yang dikendalikan syarikat Maju TMS Sdn Bhd berjaya menangkis tanggapan konvensional terhadap sistem pengangkutan awam darat itu sendiri. Pendek kata, rasa dulu kemudahan yang ada di sana, jenguk sendiri dan nilai sendiri. Pasti, dua ibu jari akan ditikkan tanda sangat teruja dengan semua yang ada di situ.

Ujian paling getir bagi mana-mana stesen pengangkutan awam pastilah dalam menangani jumlah pengunjung dan pengguna pada waktu puncak terutama ketika perayaan.

Namun, bagi terminal yang baru setahun jagung ini, tekanan itu sudah berjaya diserap dengan kejayaan menangani semua musim perayaan tahun lalu termasuk dua kali perayaan Tahun Baru Cina, semuanya terkawal dan keselesaan pengguna terus menjadi keutamaan utama yang dititikberatkan.

Pengarah Urusan Maju TMS Sdn Bhd, Roslan Shariff, berkata semua pengguna terminal itu setakat ini memberi maklum balas positif kerana belum ada mana-mana stesen bas di negara ini menyediakan kemudahan setaraf lapangan terbang dan memberi keselesaan maksimum kepada pengguna.

"Selain bas ke selatan iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Singapura, terminal ini juga menjadi lokasi persinggahan komuter, dan sistem transit aliran ringan serta teksi. Ia sekali gus memudahkan pengguna yang mahu ke lokasi tertentu tanpa perlu memikirkan bagaimana cara untuk ke terminal bas.

"Jika menggunakan kereta dan mahu meninggalkannya di terminal, kadar bayaran sehari serendah hanya RM3 dengan sejumlah 1,300 lot tempat letak kereta di aras satu, empat, lima dan enam dengan sistem zon memudahkan orang ramai. Ia dibahagikan kepada ruang khas untuk setiap keperluan iaitu lot biru untuk orang kelainan upaya (OKU), lot ungu untuk pemandu wanita, lot kuning untuk kenderaan pelbagai guna (MPV) dan lot hijau adalah terbuka untuk semua.



KAUNTER di Terminal Bersepadu Bandar Tasik



selatan berhawa dingin serta menggunakan sistem e-ticketing.



TBS sentiasa mengenal pasti kaedah terbaik meningkatkan sistem pengangkutan awam darat di negara ini dengan mengutamakan keselamatan, keselesaan dan ketepatan waktu

Roslan Shariff

Pengarah Urusan Maju TMS Sdn Bhd



"Sepanjang 2011 saja, TBS mencatatkan penjualan lebih dua juta keping tiket merangkumi jualan oleh kaunter kendalian TBS sendiri dan kaunter milik syarikat lain membabitkan kutipan lebih RM45 juta, sekali gus menunjukkan sambutan pengguna bas sudah mula beralih ke sini berbanding stesen satelit lain," katanya.

Tambah beliau, dengan kerjasama agensi kerajaan lain, TBS sentiasa mengenal pasti kaedah terbaik meningkatkan sistem pengangkutan awam darat di negara ini dengan mengutamakan keselamatan, keselesaan dan ketepatan waktu.

Itu isu utama yang sering berlaku di



lokasi lain yang mana masalah ketepatan waktu perjalanan sering dipertikaikan dan ia berjaya ditangani dengan baik di TBS. Selain itu, isu peraih atau ulat tiket dapat dikawal menggunakan 550 kamera litat tertutup (CCTV) yang ada di hampir semua lokasi seluruh TBS.

Keselesaan ialah keutamaan. Naik bas, tetapi rasa seperti di lapangan terbang. Alat pendingin hawa ada di mana-mana dan pengguna tidak perlu lagi berpanas di terminal menunggu giliran menaik bas dengan selesa menanti di lebih 2,000 kerusi di sekitar ruang pelepasan yang menggunakan konsep seperti menunggu kapal terbang.

Tiada individu lain kecuali penum-

pas bas dibenarkan berada di balai pelepasan. Pemeriksaan secara berkomputer digunakan bagi memastikan hanya pemilik tiket dengan nama yang betul dapat masuk ke ruang itu, manakala keluarga lain hanya dibenarkan berada di ruang aras tiga dan empat yang menempatkan pelbagai kedai dengan harga berpatutan.

"Paling utama sistem penjualan tiket oleh Maju TMS Sdn Bhd ialah kami mengendalikan 28 syarikat bas sekali gus di 16 kaunter kami. Bakal penumpang boleh memilih syarikat mana yang dia mahu dan kami uruskan semuanya. Pembelian juga boleh dibuat melalui dalam talian.

"Sepuluh syarikat lain mengendalikan sistem mereka sendiri, tetapi tetap menggunakan 'e-ticketing'. Purata pengunjung setiap hari ke TBS dianggarkan antara 25,000 hingga 35,000 orang dan ia meningkat sehingga 60,000 orang pada musim perayaan. Konsep kami mudah iaitu terminal ini untuk rakyat supaya mereka rasa selesa dan selamat di sini.

"Kebersihan terus menjadi fokus kami. Tandus dipastikan sentiasa bersih. Ruang bas dipastikan tidak ada minyak bertakung dan sentiasa bersih. Tidak ada sampah boleh ditemui di sini kerana sentiasa ada petugas bersedia membersihkan kawasan 24 jam. Sistem corong vakum sepanjang dua kilometer digunakan untuk menyedut sampah ke lokasi yang langsung tidak kelihatan pada mata

orang ramai," katanya.

Berecap mengenai pengangkutan awam, individu paling penting ialah pemandunya kerana mereka perlu sentiasa fokus bagi memastikan penumpang dibawa ke lokasi dengan selamat. Jarang kebajikan mereka diberi keutamaan tetapi ia menjadi fokus di TBS. Bas yang tiba akan diletakkan di ruang khas yang mempunyai kemudahan asas kepada pemandu.

Meninjau lokasi rehat sementara pemandu bas itu, dapat disimpulkan betapa mereka sepatutnya rasa bertuah kerana tidak ada sistem sebegitu di stesen lain. Sementara menunggu giliran perjalanan seterusnya, mereka boleh meletakkan bas di tempat khas dan berehat dalam bilik yang sangat selesa dilengkapi bilik mandi dan surau serta kantin.

Pernah berdepan dengan situasi tidak dibenarkan menaik pesawat kerana lambat mendaftar masuk? Kerana itulah selalunya kapal terbang jarang lewat. Kaedah ini dipraktikkan di TBS dengan hanya memberi masa 10 minit paling lewat sebelum bas terus bergerak meskipun masih ada penumpang yang belum tiba untuk membolehkan ketepatan masa dapat dipraktikkan.


Justeru, sistem yang ada di TBS wajar dijadikan contoh terbaik jika mahu sistem pengangkutan awam benar-benar ditingkatkan. Paling tidakpun, semua stesen bas utama di negara ini dinaik taraf sebegitu.



PENGGUNA boleh melihat di skrin besar jadual perjalanan bas di TBS.



BANGUNAN moden TBS dengan kemudahan bertaraf lima bintang.



BILIK kawalan memantau segala operasi di TBS.